



Bermula dengan apa yang kita ada

facebook.com/puteh.press
instagram.com/putehpress
twitter.com/putehpress

KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku I'm a Backpacker: Europe

Meneruskan tradisi buku bestseller pertama *I'm a Backpacker: Korea*, kini Puteh Press datang lagi dengan buku kedua dalam siri travel bertajuk *I'm a Backpacker: Europe*. Buku ini bukan sebuah buku travelog yang mencatatkan pengalaman penulis. Tetapi, buku ini adalah buku yang menunjukkan cara *how-to*, bagaimana untuk mengembara di Eropah. Keistimewaan utama buku ini adalah bagaimana mahu travel di sebuah benua yang terkenal sebagai elit, tetapi dengan bajet terhad.

Dengan wang kurang RM6000, pembaca ditunjukkan cara bagaimana mereka dapat mengembara ke 12 bandar besar di Eropah seperti Milan, Paris, Madrid, dan Berlin. Bukan sahaja pembaca dapat berjimat, mereka juga dapat merancang sendiri perjalanan seperti yang dikehendaki. Buku ini adalah umpama Lonely Planet, tetapi versi untuk rakyat Malaysia.

Keistimewaan buku ini adalah:

- Sepenuhnya berwarna.
- Dipenuhi dengan gambar-gambar daripada koleksi peribadi penulis.
- Maklumat yang disampaikan melalui penceritaan langkah demi langkah berserta tips-tips penting.

- Pembaca mampu sesuaikan panduan untuk keperluan seorang mahupun secara berkumpulan.
- Pilihan tarikh, tempat, aktiviti, jenis pengangkutan, penginapan, tukaran wang, makanan, pakaian, dan banyak lagi.
- Penceritaan daripada penulis yang pernah pergi sendiri ke tempat-tempat ini dan menetap di Eropah.

Buku ini unik kerana belum ada buku panduan kembara yang ditulis secara langkah demi langkah sebegini. Tidak seperti buku lain yang banyak menyenaraikan tempat yang perlu dilawati, buku ini tidak menyenaraikan satu pun tempat perlu dilawati, namun memberikan peluang kepada pembaca bagi memilih sendiri dan buku ini menjadi panduan atau blueprint bagaimana melaksanakannya.